

Headline	Sentuhan Kasih janji pulangan		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	12 Nov 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	22	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,518
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,554



Sentuhan Kasih janji pulangan

Tanah 130 hektar diusahakan dengan tanaman gaharu, beri penduduk peluang kerja

JERANTUT - Seluas 130 hektar tanah dibangunkan menjadi projek perintis penanaman pokok gaharu dalam kawasan Dun Tahan melibatkan 115 peserta di empat kampung.

Adun Tahan, Datuk Wan Amizan Wan Abdul Razak berkata, sekiranya projek perintis itu berjaya pihaknya akan membuka tanah seluas 2,800 hektar tanah bagi membolehkan lebih ramai peserta menyertainya.

Menurutnya, setakat ini empat kampung yang terlibat ialah Kampung Pagi, Kampung Gol, Kampung Selimbar dan Felda

Padang Piol.

"Projek ladang gaharu ini dinamakan projek Sentuhan Kasih di mana projek tanaman gaharu ini memberikan pulangan yang besar selain turut menyumbang penawaran pekerjaan penduduk di kawasan yang sudah menjalankan projek perintis ini.

"Selain merubah gaya hidup penduduk Felda terutama generasi kedua yang bakal mendapat pendapatan tinggi turut menunjukkan bidang pertanian boleh membawa kejayaan dan kekayaan sebagai pengusaha

pertanian moden," katanya dalam Majlis Program Hari Bersama Komuniti Felda Padang Piol 2013, anjuran Majlis Belia Felda Padang Piol, di sini.

Wan Amizan berkata, pihak kerajaan negeri dan Felda turut menggunakan khidmat sebuah universiti di Itali sebagai peneraju kajian pokok gaharu baka baik dan dibiayai oleh kerajaan Arab Saudi.

Menurutnya, negara ini merupakan negara ketiga terbesar di dunia sebagai pengeluar gaharu selepas India dan Indonesia, teta-

pi FRIM menjangkakan Malaysia mampu menjadi pusat pengeluar gaharu terbesar di rantau Asia dalam tempoh tujuh tahun akan datang.

"Untuk menghasilkan produk kosmetik dan perubatan ia memerlukan sebanyak 4.5 juta kilogram yang bernilai RM18.4 bilion setahun.

"Setiap batang pokok yang matang mampu mengeluarkan gaharu seberat antara satu hingga satu setengah kilogram, manakala harga sekilogram gaharu ialah dari RM4,000 hingga RM20,000 bergantung pada gred," katanya.



Wan Amizan bersama kanak-kanak yang mengerumuni gerai pameran Suruhanjaya Komunikasi Media Malaysia (SKMM) di pekarangan Dewan Semai Bakti, Felda Padang Piol, semalam.